



Masing-masing tanggung dosa sendiri

SAYA membaca satu poster bahawa wanita tidak menutup aurat maka bapa kandungnya dan suaminya akan dihumban ke neraka kerana perbuatan wanita itu. Adakah ini benar?

AURAT adalah bahagian anggota badan yang wajib ditutup daripada pandangan orang ajnabi. Wanita dan lelaki ada auratnya.

Aurat wanita ialah seluruh badan kecuali muka dan pergelangan tangan. Juga pergelangan kaki menurut satu mazhab fikah. Manakala aurat lelaki ialah bahagian antara pusat dan lutut yang bermakna paha adalah aurat.

Justeru, wanita dan lelaki hendaklah menjaga aurat masing-masing pada masanya. Wanita perlu menjaga aurat ketika berada bersama dengan lelaki bukan mahram. Namun

Soal jawab agama

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

jika bersama wanita, maka tiada keperluan untuk memakai tudung kepala.

Benarkah suami akan dihumban ke dalam neraka jika isterinya tidak menutup aurat? Begitu juga dengan bapa?

Dalam hal ini, saya tidak menemui suatu nas al-Quran yang berbicara mengenainya. Namun prinsip dalam al-Quran bahawa satu jiwa tidak menanggung dosa yang dilakukan oleh jiwa lain.

Ini bermakna suami tidak dihumban ke neraka hanya kerana isterinya tidak menutup aurat. Namun si suami juga

berdosa kerana tidak mendidik isterinya untuk menutup aurat. Suami berdosa jika reda dengan perbuatan isterinya tidak menutup aurat.

Begitu juga si bapa. Jika si bapa tidak mendidik anak untuk menutup aurat, maka kesalahan bapa adalah kerana tidak mendidik. Namun jika si bapa sudah memberi didikan agama sejak kecil, sudah membelikan pakaian yang menutup aurat namun si anak sendiri tidak mahu menutup aurat maka tiada lagi dosa ke atas si bapa.

Kesimpulannya, masing-masing menanggung dosa sendiri.

